

PETIKAN AKHBAR

Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak beralih ke Fasa Dua PPN

PETIKAN AKHBAR | 03 JULAI 2021



PUTRAJAYA, 3 Julai – Perlis, Kelantan, Perak, Pahang dan Terengganu beralih ke Fasa Dua Kawalan Pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai Isnin ini.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata keputusan itu dibuat berdasarkan nilai ambang di negeri-negeri berkenaan yang telah berjaya dicapai.

Beliau mengumumkan perkara itu pada sidang media bersama Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz di sini hari ini.

Tiga indikator perlu dipatuhi bagi membolehkan peralihan kepada Fasa Dua PPN iaitu purata kes harian COVID-19 menurun di bawah 4,000 kes, kadar penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) pada paras sederhana dan kadar vaksinasi bagi populasi yang telah menerima dua dos lengkap mencapai 10 peratus.

Ismail Sabri berkata dalam Fasa Dua PPN, pergerakan rentas daerah dan negeri masih tidak dibenarkan kecuali untuk guru sekolah dan pelajar kelas-kelas peperiksaan.

English     

Beliau berkata sektor yang dibenarkan beroperasi dalam Fasa Dua PPN adalah Sektor Perdagangan dan Pengedaran iaitu kedai buku dan alat tulis; komputer dan telekomunikasi; barangan eletrik; kedai cuci kereta; dan kedai gunting rambut, iaitu hanya perkhidmatan gunting rambut asas.

Selain itu pasar tani dan pasar pagi dibenarkan beroperasi dari pukul 7.00 pagi sehingga 11 pagi dengan jualan dihadkan kepada enam komoditi utama iaitu sayur-sayuran, buah-buahan, barangan runcit, ayam proses, makanan laut dan daging.

"Bagaimanapun pasar minggu, pasar malam dan pasar tamu masih tidak dibenarkan dibuka," katanya.

Di bawah Fasa Dua PPN, Ismail Sabri berkata kapasiti pekerja bagi sektor swasta dalam perkhidmatan perlu atau 'essential services' akan dinaikkan kepada 80 peratus dan pihak majikan perlu memastikan penjarakan fizikal serta prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dipatuhi setiap masa.

Beliau turut memaklumkan yang aktiviti sukan dan rekreasi secara individu dan tiada sentuhan fizikal dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya dua hingga tiga meter bagi tujuan kesihatan, kecergasan dan kemahiran sendiri; adalah dibenarkan.

Ia termasuk aktiviti secara individu seperti jogging, senaman, taichi, berbasikal, skate boarding, memancing, equestrian, memanah, mendaki, tenis perseorangan, golf, permotoran dan seumpamanya.

Sementara itu, Tengku Zafrul yang merupakan Menteri Penyelaras PPN berkata pelaksanaan PPN telah menunjukkan perkembangan positif apabila lima negeri kini beralih ke Fasa Dua.

"Nilai ambang di negeri-negeri dalam fasa dua ini akan dipantau dan dinilai, sekiranya ada peningkatan kes...ia akan dibincangkan dalam sidang khas MKN untuk keputusan lanjut," katanya.

[Bernama](#)[Siaran Media](#)[Koleksi Ucapan](#)[Petikan Akhbar](#)[Foto](#)[Video](#)[Pengumuman](#)[Laporan LAKSANA](#)[Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)[TENGKU ZAFRUL](#)[BAJET 2022](#)[COVID-19](#)[LAPORAN LAKSANA](#)[TMK 1](#)[PENJANA](#)[KELUARGA MALAYSIA](#)[PRIHATIN](#)[PRICE OF PETROLEUM](#)[HARGA MINYAK](#)[BUDGET 2022](#)

English     

AKID